

Pihak berkuasa tangani isu tanah jerlus sejak 1995

Antara kejadian tanah jerlus yang berlaku sejak 1995 dan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa bagi menyelesaikan punca kejadian dan mengelakkan daripada berlaku kejadian berulang.

● **1 September 2024:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengadakan perbincangan dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkaitan butiran terperinci membabitkan kawasan tanah jerlus di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur. Perbincangan dilakukan bagi membolehkan DBKL memberikan butiran lanjut berkaitan kawasan yang akan terbabit kerja pembaikan.

● **28 Ogos 2024:** Kejadian tanah mendap berlaku kira-kira 50 meter dari lokasi insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India yang berlaku pada 23 Ogos lalu. Kejadian tanah mendap itu dipercayai berlaku kira-kira jam 2.30 pagi selepas hujan lebat dan ribut. Kawasan itu ditutup sepenuhnya oleh pasukan keselamatan dan orang awam juga tidak dibenarkan berada di lokasi berkenaan.

● **23 Ogos 2024:** Seorang wa-

nita warga India, Vijaya Lakshmi, 48, hilang selepas terjatuh ke lubang sedalam lapan meter akibat tanah jerlus di Jalan Masjid India.

● **6 September 2023:** Pengguna Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) menuju ke Ampang, Selangor dinasihatkan menggunakan laluan alternatif berikutan berlaku *sinkhole* (lubang benam) di Seksyen 21.30 jalan berkenaan.

● **2 Mei 2021:** DBKL menutup satu lorong di Jalan Maarof, Bangsar untuk kerja-kerja baik pulih selepas jalan di situ rosak akibat mendapan tanah kerana hujan lebat. Kewujudan tanah mendap itu berhampiran Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Bangsar.

● **28 Disember 2009:** Kerajaan memberi jaminan akan bertanggungjawab terhadap kejadian tanah mendap yang berlaku di Taman Cuepacs, Segambut. Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) memasang tiga meter pengesan pergerakan tanah di kawasan ini. Pihak DBKL dan IKRAM memantau keadaan dari semasa ke semasa.

● **5 Ogos 2006:** DBKL me-

nyediakan Pelan Tempatan Kuala Lumpur (PTKL) bagi mengenali pasti kawasan sensitif alam sekitar dan menyediakan garis panduan bagi mengawal dan mengurus kawasan berkenaan.

Kawasan yang akan dikenal pasti adalah yang terdedah kepada hakisan, banjir, cerun curam, tanah jerlus, pencemaran udara, air, bunyi serta hutan. Dalam proses kawalan pembangunan, DBKL sentiasa mematuhi dasar dan garis panduan pembangunan di lereng bukit dan tanah tinggi serta garis panduan lain yang berkaitan.

● **16 April 2002:** Pembelajaran kira-kira 640 murid Sekolah Rendah Agama Hidayatul Mustaqimah di Taman Beringin, dihentikan akibat kejadian bangunan runtuh. Pihak sekolah dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan DBKL menyediakan beberapa kabin sebagai kelas dan tandas bergerak untuk kemudahan murid terbabit.

● **7 Mei 1998:** Tanah jerlus di Taman Sri Rampai, Setapak Ja-

ya mengancam penduduk selain turut mengakibatkan longkang tertutup kerana tertimbus. Kakitangan Indah Water Konsortium (IWK) yang melawat kawasan perumahan itu memaklumkan, tanah jerlus itu tidak menjejaskan kawasan pembetulan. DBKL bertindak menyiasat dengan lebih terperinci masalah itu.

● **7 Jun 1997:** Tanah jerlus berhadapan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dengan lubang benam itu dikesan sebaik saja kerja ujian tanah siap dijalankan oleh KL PRT Sdn Bhd bagi kerja pembinaan Monorel Kuala Lumpur atau People-mover Rapid Transit (PRT).

Lubang berukuran lapan meter panjang kali enam setengah meter lebar serta dua meter dalam menyebabkan kawasan itu ditutup kepada semua kenderaan dan KL PRT menguruskan lalu lintas. Ujian tanah menunjukkan, kawasan yang terbenaam itu adalah berbatu kapur.

● **21 Ogos 1996:** Tanah jerlus sebesar dan sedalam satu meter di Jalan Tuanku Abdul Rahman berhampiran pusat be-

li-belah Globe Silk Store, mengganggu kelancaran lalu lintas yang disebabkan paip air pecah. Skuad Penyelamat DBKL, kakitangan Jabatan Kerja Awam dan Lalu lintas DBKL dan Jabatan Bekalan Air (JBA) Wilayah Persekutuan bertindak mengambus semula lubang berkenaan.

● **13 September 1995:** Beberapa tempat di ibu kota menghadapi ancaman tanah jerlus berikutan ada paip utama air di bawah tanah mudah pecah jika tersalah gali atau berlaku tekanan berat. Dalam kejadian di Jalan Ampang misalnya, sebahagian jalan di hadapan sebuah hotel mewah berlubang seluas satu setengah meter dan sedalam satu meter.

● **7 September 1995:** Jabatan Kaji Bumi menunggu hasil siasatan DBKL dan syarikat perunding dilantiknya ke atas tanah jerlus di Persiaran Lidcol, Jalan Yap Kwan Seng, sebelum mengambil tindakan selanjutnya. Banglo yang juga pejabat syarikat pemaju, di kawasan itu dirobohkan berikutan kerosakan teruk akibat kejadian tanah jerlus.